

Headline	Damai suasana hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20,21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1198 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 23,678
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,033



Pakej seminar dan penginapan

- Kadar RM100 seorang semalam - Empat orang sebilik
 - Kadar RM150 seorang semalam - Tiga orang sebilik
 - Kadar RM180 seorang semalam - Dua orang sebilik
 - Kadar RM280 seorang semalam - Seorang sebilik
 - Penginapan meliputi bilik Family Suite
 - Penggunaan dewan seminar Sarapan
 - Kudapan pagi dan petang
 - Makan tengah hari dan makan malam
 - Minum
- (disertakan kemudahan lain yang berkaitan untuk seminar)

Pakej seminar sehari (Minimum 20 orang)

- Kadar RM60 seorang
- Penggunaan bilik seminar
- Kudapan pagi
- Makan tengah hari
- Kudapan petang

Pakej seminar separuh hari (minimum 20 orang)

- Kadar RM50 seorang
- Penggunaan bilik seminar
- Kudapan pagi
- Makan tengah hari

Untuk urusan tempahan boleh menghubungi Unit Fasiliti FRIM di talian 03-62797560



Damai suasana hutan

Rumah Tetamu FRIM taraw penginapan berlatarbelakangkan alam semula jadi

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

TERDAPAT banyak pilihan bagi mereka yang ingin menikmati percutian bergantung kepada selera masing-masing. Oleh sebab itu, aktiviti pelancongan kita terbahagi kepada banyak bidang, bergantung kepada elemen atau destinasi itu sendiri. Sebagai contoh pelancongan alam sekitar (ekopelancongan), pelancongan pertanian (agropelancongan) dan pelancongan perubatan.

Istilah pelancongan itu bermakna merujuk kepada suatu yang seronok, seperti yang apa yang dihajati oleh mereka yang melancang dan memberi kepuasan kepadaanya. Bercakap mengenai keseronokan dan kepuasan dalam melancong, ia suatu yang subjektif tetapi individu berkenaan tentunya berkunjung ke destinasi tersebut mengikut kehendaknya. Bagi pelancongan tani, tentunya dia seronok melawat kawasan pertanian, penerannakan lembu atau atau pokok buah-buahan. Begitu juga mereka yang menggemari alam semula jadi, tentunya seronok dengan melihat keindahan alam, hutan, sungai, gua malah bukit sekalipun.

Ketika ini, pelancongan alam sekitar semakin popular meskipun berdepan dengan cabaran melihat kemusnahan dan pe pencemaran alam di sana sini. Bagi mereka yang duduk berhampiran kawasan



RUANG dalam Rumah Tetamu Sungai Kroh.



RUMAH Tetamu Sungai Kroh juga dilengkapi dengan bilik menyambut tetamu.

Headline	Damai suasana hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20,21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1198 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 23,678
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,033



hutan pastinya dapat merasai fungsi sumber semula jadi tersebut. Sebaliknya mereka yang sukaan hutan tetapi tinggal di kawasan jauh daripadanya pastinya kecewa sekiranya tidak berpeluang merasai pengalamannya tersebut.

Oleh itu, apabila ada pihak yang menawarkan pelancongan alam sekitar sebagai contoh, mereka yang sukaan konsep pelancongan sedemikian pastinya teruja dengan tawaran tersebut. Yang menariknya konsep pelancongan alam sekitar ini kadangkala tidak memerlukan kos yang tinggi. Sebagai contoh, anda hanya melawat hutan dan sungai yang bukan ‘hak milik’ sesiapa, mandi sesuka hati di sungai tanpa bayaran dan sekiranya ingin menginap, pacak sahaja khemah tanpa ada dikenakan bayaran bilik.

Mereka yang menjaga hutan bertuah kerana pelancongan konsep murah ini hanya memerlukan sedikit pelaburan tambahan untuk menarik kedatangan pelancongan kerana aset kekal sudah boleh menggantikan mereka datang. Itu konsep yang cuba diperkenalkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang mengawal selia dan menjaga kepentingan hutan selain Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Baru-baru ini, FRIM membuktikan

komitmennya untuk membantu mempromosi pelancongan alam sekitar sekali gus mengajak orang ramai menghargai aset tersebut dengan menawarkan penginapan dalam kampusnya di Kepong Selangor.

Selama ini kampus FRIM berkeluasan 544.3 hektar itu yang dihuni 2,500 spesies pokok menggantikan pengunjung yang berkunjung untuk beriadah menikmati alam sekitar tanpa sebarang bayaran. Sungai Kroh yang mengalir dalam kampus tersebut menambahkan lagi minat pengunjung datang berehat menikmati suasana hutan dengan pelbagai aktiviti seperti merentas hutan, jogging, mengayuh basikal dan pelbagai aktiviti bercorak pendidikan.

Pengurusan FRIM telah membina kompleks penginapan yang dikenali sebagai Rumah Tetamu Sungai Kroh menawarkan pelbagai standard bilik khusus untuk penginapan jangka pendek atau pun untuk tujuan penaganjuran kursus dan seminar.

Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr Abdul Latif Mohmod** berkata, penginapan 15 bilik itu mula dibina pada 2013 dan siap pada tahun lepas dengan kos RM500,000 dan kini telah menerima tempahan.

Beliau berkata, terdapat ramai pengunjung ke FRIM terutama pada hujung minggu dan mereka yang ingin berada lebih lama di kawasan tersebut boleh memilih untuk menginap dan menikmati keindahan panorama hutan di kampus institut tersebut.

Malah, mereka boleh mendapatkan bantuan bagaimana memperoleh maklumat untuk melawat sekitar kampus berkenaan untuk tujuan pendidikan dan pelancongan.

Berkongsi lebih lanjut, beliau berkata, kemudahan tersebut pada mulanya merupakan rumah kakitangan Kampung Jawa dengan reka bentuk kolonial, sama seperti kebanyakan reka bentuk binaan yang terdapat di FRIM.

“Pada 2009, ia merupakan kawasan perumahan satu bilik untuk kakitangan sedangkan sepatutnya mesti mengandungi dua bilik dengan berdindingan kayu,” ujarnya.

kerja kerja pembangunan semula dan pengubahsuaian mula dijalankan pada 2013 dengan kemudahan 15 bilik studio dan dilengkapai dengan kemudahan asas termasuk televisyen dan pendingin hawa.

Bagaimanapun oleh kerana kerja-kerja penyelenggaraan agak tinggi, maka beliau mendapat satu idea untuk mengubahsuai sebagai kemudahan rumah rehat. Tambahan pula katanya, kawasan berhampirannya sudah dikenali dalam kalangan pengunjung sebagai lokasi riadah seperti mengayuh basikal berjoging dan bermandi manda di Sungai Kroh.

Malah mereka yang kerap berkunjung ke kampus FRIM tersebut pastinya mengenai Taman Etnobotani, Encabang Trail, Salleh Trail dan Kruing Trail iaitu laluan untuk aktiviti rentas hutan.

Beberapa tarikan lain lain seperti Taman Etnobotani dengan keluasan sebanyak kira-kira satu hektar (ha) dan terdapat antara 180 hingga 200 spesies tumbuhan ubatan dan beraroma daripada 85 famili dan kira-kira 180 genus.

Dalam pada itu, Ketua Unit Fasiliti FRIM, **Mohamad Shapiei Jusoh** berkata, pihaknya juga sedang dalam perancangan menambah kemudahan yang bersesuaian di situ.



ABDUL LATIF MOHMOD



Gambar AZLAN HADI ABU BAKAR